

Penyumbang

Penyumbang Isi




Peter Lim

Written and Directed by: Peter C.T. Lim

Ditulis dan diterbitkan oleh: Peter Lim Cheong Thye
(B. Ec - Comp Sc, Dip O.R., Monash; MBA, AGSM
NSW, Sydney)

Peter Lim merupakan penulis dan penerbit Siri Buku Multimedia Penjelajahan Alkitab Visual. Beliau mempunyai pengalaman selama 20 tahun di industri I.T, bekerja untuk syarikat seperti IBM, SAP dan Oracle. Beliau dan isteri mendirikan Pristine World pada tahun 2005, sebuah syarikat yang dikhususkan untuk menerbitkan bahan-bahan bantuan pendidikan dan kisah-kisah Alkitab untuk kanak-kanak. Beliau juga seorang ahli Gereja Methodist Damansara Utama (DUMC), Petaling Jaya Malaysia.



Pr Chris Choo

Penyunting Penasihat: Pastor Christopher Choo Yew Choong
(LLB London University, Lifeline International Ministries Singapore,
Vision Bible College, Tabernacle of Glory, Kuala Lumpur)

Pr Chris Choo merupakan seorang guru Alkitab dan juga Pemimpin Pengajian untuk Ziarah ke Israel dan tanah Alkitab. Dia merupakan seorang pakar di dalam Sejarah Alkitab.

Penasihat Projek: Rev. Dr. Yu Chee Huat (Trinity Theological College Singapore, Bachelors in Divinity and Masters in Ministry. PhD dari San Francisco Theological Seminary).

Reka bentuk dan karya seni

Reka Bentuk Grafik: Kee Hup Thong

Ilustrasi tambahan: Julius Tan

Foto oleh: Penulis (Peter C.T. Lim) ditanda © PCTL

Pastor Chris Choo ditanda © CC

Penterjemah edisi Bahasa Malaysia

Stemmah Sariau, (Penterjemah dan Editor, Pertubuhan Bible Malaysia dan RBC Ministries, Malaysia).

Editor Salinan terjemahan

Julidin Lumanggong (Staf penuh masa Malaysia Campus Crusade for Christ)

Lenny Lysandra Richard (Bachelor of Music (Hons) Contemporary (Vocal Performance), UCSI; Diploma in Performing Arts (Screen Arts), UiTM).

ISI KANDUNGAN

Kejadian Jilid 1 - Dari Penciptaan sehingga Abraham

Pendahuluan bagi Kejadian	ms.6	15. Ishak dan Ribka	ms.59
1. Cerita Penciptaan	ms.8	16. Yakub dan Esau - Cerita Hak Anak Sulung	ms.63
2. Taman Eden	ms.12	17. Perjalanan Yakub	ms.67
3. Adam dan Hawa	ms.15	18. Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban	ms.70
4. Kain dan Habel	ms.19	19. Yakub Kembali ke Kanaan	ms.74
5. Nuh Membina Bahtera	ms.23	20. Yusuf dan Abang-Abangnya	ms.78
6. Banjir Besar	ms.26	21. Yusuf dan Potifar	ms.81
7. Menara Babel	ms.30	22. Orang Tahanan dan Erti Mimpi	ms.84
8. Abram dan Panggilan Tuhan	ms.33	23. Si Tukang Mimpi dan Raja	ms.87
9. Abram dan Lut	ms.37	24. Orang Tahanan Menjadi Perdana Menteri	ms.91
10. Janji seorang Anak Lelaki	ms.41	25. Masalah Yakub	ms.94
11. Abraham dan Perjanjian Tuhan	ms.44	26. Pertemuan dan Perdamaian Keluarga	ms.97
12. Abraham Merayu bagi pihak Sodom	ms.47	27. Penghujung Kejadian - Puak Menjadi Bangsa	ms.101
13. Apa yang Berlaku di Sodom dan Gomora	ms.50	Rujukan	ms.104
14. Ujian bagi Abraham	ms.54		
Epilog	ms.58		

Kejadian Jilid 2 - Ishak, Yakub dan Yusuf

Kejadian Jilid 1 - Dari Penciptaan sehingga Abraham

Pendahuluan bagi Kejadian

Pendahuluan bagi Alkitab

Ajaran dalam Alkitab sesuai untuk sepanjang masa dan sangat berguna. Ramai ahli sejarah, bahkan ahli sejarah bukan Kristian pun mengakui pengaruh besar daripada Alkitab terhadap pembentukan masyarakat moden. Sepuluh hukum itu masih menjadi asas bagi banyak undang-undang moden yang ada sekarang. Bagi orang Kristian, Alkitab adalah firman Tuhan yang diilhamkan. Ajaran Tuhan tentang bagaimana kita harus hidup, berhubungan dengan orang lain dan juga Tuhan, ada tertulis di dalam Alkitab.

Perkataan "Bible" (Alkitab)

"Bible" dalam Bahasa Inggeris atau Alkitab adalah satu koleksi buku yang lebih kecil. Sebenarnya, nama ini diambil daripada "biblia", perkataan Yunani untuk "buku-buku", kerana Alkitab terdiri daripada 66 buah buku. Alkitab dibahagi kepada dua bahagian utama yang disebut "perjanjian". Ini adalah terjemahan perkataan Ibrani untuk "perjanjian". Perjanjian Lama terdiri daripada 39 buah buku, dan Perjanjian Baru terdiri daripada 27 buah buku.




Wilayah Gunung Sinai
Foto: Pr. Chris Choo

Prolog bagi Kejadian

Bagaimana buku ini mendapat namanya?

Buku pertama di dalam Alkitab ialah Kejadian (Genesis). Nama ini diambil daripada perkataan pertama dalam teks asli Ibrani, iaitu "bereshith", yang bererti "Pada mulanya". "Genesis" adalah terjemahan Bahasa Yunani bagi perkataan tersebut.



Wilayah Petra
Foto: Pr. Chris Choo

Penulis Kejadian

Tuhan ialah penulis sebenar Alkitab. Tetapi Dia memakai tangan dan minda manusia untuk menterjemah ajaran-Nya ke dalam perkataan. Walaupun buku Kejadian tidak menyebut apa-apa tentang manusia yang menjadi penulis buku ini, sejak dahulu orang Yahudi dan orang Kristian percaya bahawa penulisnya ialah Musa. Beberapa cerita awal mungkin telah diturunkan dalam bentuk tulisan atau lisan. Kemudian cerita-cerita tersebut dikumpulkan dan ditulis oleh Musa.

Memahami Kejadian dalam Konteks Masa dan Tempat Penulisnya.

Kita akan memahami Kejadian dengan lebih baik dalam konteks masa dan tempat penulisannya. Kita perlu meletakkan diri dalam kedudukan pembaca dan pendengar cerita Kejadian yang mula-mula.

Buku ini dipercayai ditulis kira-kira pada waktu peristiwa Keluaran berlaku, ketika orang Israel keluar dari Mesir dan sedang dalam perjalanan menuju tanah Kanaan. Oleh itu, tarikh penulisan buku ini adalah kira-kira tahun 1400 S.M. Selama 400 tahun orang Israel berada di Mesir, tentu mereka telah terdedah kepada semua patung berhala dan kepercayaan orang Mesir kepada tuhan mereka yang banyak.

Tempat tujuan mereka pada waktu itu adalah tanah Kanaan. Kawasan ini juga didiami oleh orang yang menyembah banyak tuhan.

Teks Kejadian menyatakan perkara yang benar untuk orang Israel pada waktu itu dan untuk kita pada masa ini. Dunia dan segala yang hidup di dalamnya adalah ciptaan Tuhan yang esa, yang maha kuasa dan maha tahu. Segala sesuatu yang wujud adalah ciptaan Tuhan.

Pengajaran ini diteguhkan semula di dalam Perjanjian Baru. "Segala-galanya diciptakan melalui Dia. Daripada segala yang wujud, tiada suatu pun yang dicipta tanpa-Nya." Yohanes 1:3

Maklumat Tambahan dan Peta

Sementara cerita disampaikan, maklumat tambahan diberi apabila perlu.

Latar belakang geografi kebanyakan cerita di dalam Kejadian terletak di kawasan yang disebut Timur Tengah pada hari Ur dan Babel terletak di kawasan Iraq hari ini. Runtuhan Haran terletak di Siria moden. Banyak cerita dalam Kejadian berlaku di Israel, Jordan, dan Mesir, bahkan juga di Turki moden. Peta disediakan sementara cerita disampaikan untuk membantu pembaca memahami lokasi geografinya.



Objektif Buku ini

Objektif utama cerita-cerita ini adalah untuk menimbulkan rasa penghargaan dan keinginan dalam hati kanak-kanak agar mereka sendiri membaca Alkitab. Buku dan Cerita Alkitab Keluarga ini diharapkan dapat membantu mereka melihat gambaran ini dengan lebih baik dan agar mereka memahami erti pelajaran-pelajaran Alkitab tersebut.

Kejadian Jilid 1 - Dari Penciptaan sehingga Abraham

1. Cerita Penciptaan

Kejadian 1:1 - 2:3

Alkitab memberitahu kita dengan amat jelas bahawa Tuhan ialah pencipta alam semesta. Fakta ini diceritakan dalam banyak bahagian Alkitab, di dalam Perjanjian Lama dan juga Perjanjian Baru. Fakta ini paling jelas diterangkan kepada kita di dalam buku Kejadian. Tuhan telah mencipta alam semesta kita, planet kita, matahari, bulan dan bintang-bintang. Buku ini memberitahu kita bahawa Tuhan memberikan hidup kepada planet ini dan Tuhan telah menciptakan manusia serta semua makhluk lain. Inilah kisah penciptaan seperti yang diceritakan di alam Kejadian fasil satu.

¹Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.

²Bumi tidak berbentuk dan kosong; kegelapan

menyelubungi permukaan samudera, dan Roh Allah melayang-layang di atas permukaan air. ³Berfirmanlah Allah, "Jadilah cahaya." Lalu terus ada cahaya. ⁴Allah melihat cahaya itu baik, lalu Dia memisahkan cahaya itu daripada kegelapan. ⁵Allah menamai cahaya itu siang, dan kegelapan itu dinamai-Nya malam. Malam muncul dan disusuli pagi, dan itulah hari yang pertama.

Kemudian Tuhan berfirman, "Hendaklah ada kubah di antara air. Biarlah kubah ini memisahkan air di atas dan air di bawah." Tuhan menciptakan langit dengan atmosfera di atas bumi. Hal ini berlaku pada hari kedua.

FAKTA MENARIK

Alam Semesta Kita:

Meliputi ribuan juta galaksi. Galaksi kita, iaitu Bimasakti, terbentang dengan keluasan 100,000 tahun cahaya dan mungkin meliputi 100 juta bintang. Sistem suria kita terdiri daripada sebuah sistem planet dan asteroid dalam orbit mengelilingi sebuah bintang yang sederhana besar. Bintang ini, yang berukuran 15,000,000°C pada terasnya dan 6,000°C pada permukaannya, merupakan stesen raksasa yang dijana oleh pemecahan nuklear yang memancarkan haba dan cahaya kepada planet-planet yang mengelilinginya. Kita menamakan bintang ini Matahari.



FAKTA MENARIK

Cahaya itu siang, dan kegelapan itu dinamai-Nya malam:

Bumi kita berpusing pada paksinya sendiri sekali dalam 24 jam. Ini membolehkan cahaya matahari bersinar pada seluruh bahagian bumi untuk masa-masa tertentu. Jika pusingan bumi mengambil masa terlalu lama, maka bahagian yang disinar matahari akan terbakar dan bahagian yang dalam kegelapan akan menjadi beku. Jika bumi berpusing terlalu cepat pada paksinya, maka ia akan menyebabkan angin rebut yang kencang. Misalnya, planet Zuhal berpusing pada paksinya sekali dalam 10 jam. Ia mencatat ribut kencang dengan kelajuan angin sehingga 10,000 batu sejam. 24 jam sehari adalah kelajuan yang sesuai, menurut ketetapan Pencipta, untuk planet kita.

Bumi:

Planet kita, iaitu Bumi, adalah planet ketiga dari kedudukan Matahari. Diameternya 12,500 km dan mengandung kira-kira 525 juta km padu air yang meliputi 70% daripada permukaannya. Di atas permukaannya terdapat campuran oksigen dan nitrogen yang begitu seimbang untuk memberi hidup dan ini terdapat dalam udara sehingga 600 km di angkasa.



Pada hari ketiga, Tuhan berfirman, "Hendaklah air yang ada di bawah langit mengalir ke satu tempat agar tanah kelihatan." Dan hal itu berlaku. Tuhan menamakan tempat yang kering itu "darat", dan air yang terkumpul itu "laut". Kemudian Tuhan berfirman, "Hendaklah tanah mengeluarkan segala jenis tumbuh-tumbuhan, jenis yang menghasilkan biji-bujian dan jenis yang meghasilkan buah." Lalu bumi dipenuhi oleh hutan dan tumbuh-tumbuhan. Dan Tuhan berpuas hati melihat hal itu.

FAKTA MENARIK

Segala jenis tumbuh-tumbuhan:

Terdapat kira-kira 300,000 spesies tumbuhan yang telah diberi nama. Alam haiwan mempunyai lebih 1.2 juta spesies dan sub-spesies.



Pada hari keempat, Tuhan berfirman, "Hendaklah ada benda-benda terang di langit untuk memisahkan siang daripada malam, dan untuk menunjukkan permulaan hari, tahun, serta perayaan agama." Lalu hal itu berlaku. Demikianlah Tuhan menjadikan dua benda terang yang besar. Benda terang yang lebih besar untuk menguasai siang dan benda terang yang lebih kecil untuk menguasai malam. Dia juga mencipta bintang-bintang. Dan Tuhan berpuas hati melihat hal itu.

FAKTA MENARIK

Benda terang yang lebih kecil untuk menguasai malam:

Fakta tentang bulan kita: jarak bulan dari Bumi adalah 34,403 kilometer (238,857 batu). Diameternya 3,476 kilometer (2,160 batu). Putaran Bulan dan orbitnya untuk mengelilingi Bumi mengambil masa 27 hari, 7 jam, dan 43 minit. Bulan disebut LUNA oleh orang Rom.

Pada hari kelima, Tuhan berfirman, "Hendaklah air dipenuhi berjenis-jenis makhluk hidup, dan udara dipenuhi berjenis-jenis burung." Demikianlah Tuhan menciptakan binatang raksasa laut, dan semua jenis makhluk yang hidup di dalam air, serta semua jenis



burung. Tuhan berpuas hati melihat hal itu. Tuhan memberkati semuanya dan memberikan perintah kepada makhluk yang hidup di dalam air supaya membiak serta memenuhi laut, dan juga kepada semua jenis burung supaya bertambah banyak.



Tuhan menciptakan ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara.

Pada hari keenam, Tuhan mencipta semua binatang yang tinggal di darat. Dia mencipta mamalia yang berjalan di atas bumi, reptilia yang merayap di atas tanah, bahkan semua makhluk yang tinggal di bawah tanah.

Kemudian Tuhan berfirman, "Sekarang Kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita. Mereka akan menguasai seluruh bumi." Demikianlah Tuhan menciptakan manusia dan menjadikan mereka seperti diri-Nya sendiri. Dia menciptakan mereka lelaki dan perempuan. Kemudian dia memberkati mereka dan berfirman, "Hendaklah kamu mempunyai anak cucu yang banyak, supaya keturunan kamu menduduki seluruh muka bumi dan menguasainya".



Tuhan menciptakan pelbagai jenis binatang yang tinggal di darat.

Pada hari ketujuh, Tuhan menyelesaikan pekerjaan-Nya, lalu Dia berehat. Tuhan memberkati hari yang ketujuh dan menjadikan hari itu sebagai hari istimewa, kerana pada hari itu Tuhan berehat setelah menyelesaikan pekerjaan-Nya.

FAKTA MENARIK

Manusia:

Tubuh Manusia mempunyai 206 kerat tulang yang dikerah untuk melakukan gerakan berjalin-jalin dan kompleks oleh 600 otot berlainan yang diudarakan oleh 300 juta kantung udara di dalam paru-paru. Tubuh dipanaskan dan diberi nyawa oleh 6.5 liter (atau kira-kira 10 pain) darah yang mengalir 1000 kali sehari melalui saluran darah, arteri, urat darah dan kapilari, dan jika diukur dari hujung ke hujung, panjangnya boleh mencapai berpuluhan-puluhan kilometer setiap orang.

Tetapi manusia bukan hanya terdiri daripada tubuh fizikal. Tuhan juga memberi dia roh yang ingin berkomunikasi dengan Pencipta. Manusia adalah satu-satunya makhluk yang dicipta menurut rupa Tuhan dan diberi tanggungjawab utnuk menjaga ciptanya.

FAKTA MENARIK

Binatang Raksasa Laut:

Ikan paus biru adalah mamalia yang terbesar, dan kemungkinan haiwan yang paling besar yang pernah menghuni bumi.

Ikan paus biru terpanjang yang pernah dicatat adalah 198 kaki panjang, iaitu seekor ikan paus betina yang ditangkap semasa mencari ikan paus di Antartika! Pada zaman moden, ikan paus biru di Hemisfera Selatan mencapai 90-100 kaki panjang. Tetapi spesies yang sama di Hemisfera Utara adalah lebih kecil, dan purata panjangnya adalah 75 hingga 80 kaki (23 hingga 24.5 m). Berat ikan paus biru boleh mencapai 100 tan lebih (99.800kg). Ikan paus betina lebih besar daripada ikan paus jantan yang sama umur. Dan yang paling berat mungkin boleh mencapai 150 tan (136,000 kg).



Ikan paus biru adalah perenang yang laju dan kuat, dan boleh mencapai kelajuan sehingga 30 bsj (48.3 km/sejam) apabila ia takut, tetapi biasanya ikan paus biru berenang pada kelajuan kira-kira 12 bsj (19.3 km/sejam). Sumber LEMBARAN FAKTA AMERICA CETACEAN SOCIETY.

pada zaman itu. Benda seperti bulan, matahari dan bahan bumi adalah benda yang dicipta. Abraham berasal dari Ur, dan orang di sana menyembah bulan. Orang Mesir menyembah dewa matahari dan Sungai Nil yang memberi kehidupan. Mereka juga percaya bahawa raja mereka, iaitu Firaun, adalah jelmaan dewa matahari. Kejadian memberitahu kita, seperti yang berlaku pada pendengar yang mulamula, bahawa Tuhan mencipta segala sesuatu. Dan Tuhan menjadikan setiap manusia sebagai penguasa bumi selagi mereka hidup mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Tuhan sendiri.

Alkitab mengajar kita bahawa ada satu Tuhan yang mencipta:

Terdapat banyak ayat rujukan di dalam Alkitab yang menyatakan bahawa Tuhan mencipta dunia. Sebahagiannya disenaraikan di bawah:

- Yesaya 40:12-31
- Mazmur 8:1-9
- Ayuh 38:4-41
- Yohanes 1:1-3

Cerita penciptaan mencabar kepercayaan orang

Pelajaran daripada Cerita ini

1. Alkitab mengajar kita bahawa hanya satu Tuhan yang mencipta alam semesta dan dunia kita. Segala sesuatu yang wujud, termasuk jirim, objek dan benda hidup wujud atas perintah Tuhan.
2. Pada waktu alam semesta dicipta, Tuhan "berpuas hati", dan itulah penilaian-Nya. Alkitab menggunakan perkataan ini untuk menunjukkan bahawa Tuhan berpuas hati dan menikmati dunia yang telah diciptakan-Nya. Ciptaan-Nya itu adalah sempurna.

Soalan untuk Perbincangan

1. Mengapakah frasa "Tuhan berpuas hati melihat hal itu" sering diulang?
2. Apakah makna frasa "Kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita"?
3. Apakah beberapa sifat Tuhan yang kita boleh pelajari daripada cerita ini?